



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## DRAF UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN  
PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)**

**5 OKTOBER 2017 (KHAMIS)  
10.30 PAGI**

## **PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK) KOK LANAS, KELANTAN**

Bismillahir Rahman Nirrahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Keluarga Bahagia.

### **SALUTASI**

### **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke majlis yang sangat bermakna pada pagi ini iaitu Majlis Perasmian PDK Kok Lanas, Kelantan.
2. Membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) adalah sesuatu yang sangat rapat di hati saya kerana pada saya warga OKU adalah sangat istimewa. Justeru, pada pagi ini saya berasa bangga kerana dapat hadir bersama dengan warga OKU dan komuniti setempat dan seterusnya merasmikan PDK Kok Lanas.
3. Suka untuk saya maklumkan bahawa Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau "*Community-Based Rehabilitation*" (CBR) telah dipelopori oleh Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO). Jabatan Kebajikan Masyarakat telah terlibat secara langsung dalam penyedian manual dan seterusnya diberi peluang menilai dan mengubahsuai pelaksanaan program ini. Pada tahun 1984, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil inisiatif dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjalankan Projek Perintis PDK di Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu yang melibatkan 55 orang kurang upaya (OKU). Program PDK ini berkembang dengan pesatnya serta mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari masyarakat sehingga kini.

*Para hadirin sekalian,*

### **PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)**

4. Pada tahun 2017, JKM memperuntukkan RM94 juta bagi membolehkan PDK beroperasi. Sehingga **September 2017, sebanyak 537 PDK telah beroperasi di seluruh negara menggunakan peruntukan KPWKM menerusi JKM. Sebanyak 7 PDK lagi dalam proses penubuhan menjelang akhir tahun ini.** Suka saya nyatakan bahawa jumlah OKU yang kini mendapat manfaat perkhidmatan PDK adalah seramai **20,604 orang. Manakala dari segi tenaga sukarela yang mengerakkan PDK adalah seramai 3,214 yang sedang berkhidmat sebagai petugas dan penyelia PDK di seluruh negara.**
5. Untuk negeri Kelantan sehingga Jun 2017, terdapat 44 PDK beroperasi untuk memberi perkhidmatan rehabilitasi kepada

1,248 OKU. Seramai 195 sukarelawan sedang berkhidmat sebagai petugas dan penyelia PDK di seluruh Kelantan. Manakala JKM telah memberi peruntukan sebanyak RM 5.82juta yang memberi manfaat kepada semua OKU di PDK seluruh negeri Kelantan.

7. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kok Lanas terletak di Dewan Undangan Negeri (DUN) **Kok Lanas, Parlimen Ketereh** telah ditubuhkan pada **16 Jun 2013** atas ilham Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan DUN Kok Lanas iaitu YB. Datuk Hj Md Alwi Hj Che Ahmad. Penubuhan PDK Kok Lanas ini juga telah menggalakkan satu kaedah membantu pembangunan komuniti untuk Orang Kurang Upaya di kawasan Parlimen Ketereh dan kawasan yang berhampiran seterusnya dapat menjalankan satu kerjasama keperihatinan masyarakat terhadap golongan istimewa ini. PDK Kok Lanas telah menyewa premis **kuarters pegawai KADA** iaitu **1 Blok 4 Unit** yang begitu selesa untuk menjalankan program dan aktiviti harian di samping melaksanakan program pencegahan, pemulihan dan pembangunan dengan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat setempat supaya mengecapi peluang sama rata serta diintegrasikan dalam masyarakat.
8. **PDK ini menempatkan seramai 23 orang pelatih yang terdiri dari 14 orang lelaki dan 9 orang pelatih perempuan.** Manakala tenaga pengajar terdiri dari 4 orang petugas dan seorang penyelia. Mereka ini telah diberi latihan

asas oleh Bahagian Pembangunan OKU Negeri sebelum memulakan tugas di PDK.

*Para hadirin sekalian,*

## **PROGRAM BAGI PDK DAN PENDAFTARAN OKU**

9. Penubuhan PDK Kok Lanas ini secara tidak langsung dapat membantu golongan ibu bapa untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih terperinci mengenai cara mendidik kanak-kanak istimewa ini. Selain itu, ibu bapa dapat berkongsi masalah yang dihadapi dengan ibu bapa yang mempunyai anak seperti mereka. Bagi kanak-kanak istimewa pula,ianya membantu untuk mendapat pendidikan yang sesuai dengan keadaan mereka dan dapat meminimumkan kecacatan yang dialami mereka.
10. Bagi menggalakkan penglibatan pelatih-pelatih dalam program 1 PDK 1 Produk, PDK ini juga tidak ketinggalan dengan mengeluarkan produk untuk PDK seperti kraftangan, makanan ringan dan juga hasil sayuran dari pertanian yang telah diusahakan oleh pelatih-pelatih tersebut yang dibantu oleh petugas-petugas. Ini memberi peluang kepada pelatih-pelatih menjalani latihan serta lebih mengenali hasil produk yang mereka usahakan. Secara tidak langsung ia akan dapat menjana pendapatan OKU dan mereka boleh berdikari pada masa hadapan.
11. Oleh itu, saya amat berharap supaya ibu bapa kepada pelatih dapat bekerjasama dengan penyelia dan petugas di PDK

terutama dalam program perkembangan sosial, penyertaan serta penglibatan ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam program PDK. Di sini juga saya menyeru kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak OKU yang belum berdaftar dan juga NGO-NGO yang ada di sini supaya bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai Program Pemulihan Dalam Komuniti ini terhadap OKU. Dengan adanya kerjasama ini, PDK akan terus mengorak langkah untuk memberikan pembangunan seimbang dan kesejahteraan kepada golongan OKU dalam menjana pembangunan OKU yang produktif serta kehidupan berdikari.

12. Selain itu, saya juga suka ingatkan bahawa bilangan OKU yang berdaftar dengan JKM sehingga **30 September 2017** adalah seramai **440,731 orang**. Mengikut unjuran yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih kurang 10 – 15 % daripada penduduk dunia merupakan OKU. Mengikut statistik yang dinyatakan tadi OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya lebih kurang 1.4% daripada jumlah penduduk Malaysia. Angka ini jelas jauh lebih rendah daripada unjuran yang dibuat kerana masih terdapat ramai lagi OKU yang tidak berdaftar sebagai OKU.

## **PENUTUP**

13. **OKU yang berdaftar juga boleh mendapat lebih 25 kemudahan dan keistimewaan**. Antara kemudahan yang

penting adalah seperti pengecualian bayaran dokumen perjalanan antarabangsa, diskaun pengangkutan awam, pengeluaran bayaran kesihatan kerajaan, bantuan JKM dan sebagainya. Oleh itu, saya menyeru kepada ibu bapa / penjaga yang belum mendaftar anak OKU untuk segera mendaftar agar anak berkenaan boleh menikmati kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta.

14. Kehadiran YB Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada pagi ini menguatkan lagi keyakinan saya mengenai sokongan padu dan penggembangan tenaga dan sumber yang berterusan daripada semua pihak ke atas segala usaha Kerajaan dalam memelihara kepentingan OKU.
15. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan tenaga bagi memastikan kelancaran majlis ini.
16. Dengan lafaz **Bismillahirahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya melancarkan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Kok Lanas, Kelantan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasallam Mualaikum W.B.T.